



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN

MONTHLY EXTERNAL TRADE STATISTICS

NOVEMBER 2024
NOVEMBER



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN
MONTHLY EXTERNAL TRADE STATISTICS

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides catalogue data and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	: StatsMalaysia
E-mel / E-mail	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Disember 2024 / *Published in December 2024*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 1394 – 908X

KANDUNGAN
CONTENTS

I	Ringkasan Penemuan Summary of Findings	1
II	Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>	
1	EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK, IMPORT, JUMLAH DAGANGAN DAN IMBANGAN DAGANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS, IMPORTS, TOTAL TRADE AND BALANCE OF TRADE (RM MILLION)</i>	23
2 (a)	EKSPORT - DATA ASAL & PELARASAN MUSIM (RM JUTA) <i>EXPORTS - ORIGINAL DATA & SEASONALLY ADJUSTED (RM MILLION)</i>	24
2 (b)	IMPORT - DATA ASAL & PELARASAN MUSIM (RM JUTA) <i>IMPORTS - ORIGINAL DATA & SEASONALLY ADJUSTED (RM MILLION)</i>	25
3	EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK DAN IMPORT MENGIKUT SEKSYEN BARANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS AND IMPORTS BY COMMODITY SECTIONS (RM MILLION)</i>	26
4	EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK DAN IMPORT MENGIKUT BAHAGIAN BARANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS AND IMPORTS BY COMMODITY DIVISIONS (RM MILLION)</i>	27
5	KADAR PERTUMBUHAN EKSPORT DAN IMPORT BAGI NEGARA TERPILIH <i>EXPORTS AND IMPORTS GROWTH RATES FOR SELECTED COUNTRIES</i>	33
6	EKSPORT & IMPORT MENGIKUT NEGARA (RM JUTA) <i>EXPORTS & IMPORTS BY COUNTRY (RM MILLION)</i>	34
7	EKSPORT & IMPORT MENGIKUT KUMPULAN EKONOMI (RM JUTA) <i>EXPORTS & IMPORTS BY ECONOMICS GROUPING (RM MILLION)</i>	39
8	EKSPORT & IMPORT MENGIKUT SEKTOR DAN BARANGAN TERPILIH (RM JUTA) <i>EXPORTS & IMPORTS BY SECTOR AND SELECTED COMMODITIES (RM MILLION)</i>	41
9	EKSPORT BARANGAN UTAMA DAN TERPILIH (RM JUTA) <i>EXPORT OF MAJOR AND SELECTED COMMODITIES (RM MILLION)</i>	43
10	IMPORT BARANGAN UTAMA DAN TERPILIH (RM JUTA) <i>IMPORT OF MAJOR AND SELECTED COMMODITIES (RM MILLION)</i>	48

11	EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT MOD PENGANGKUTAN BAGI SALURAN TERPILIH (RM JUTA) <i>EXPORTS AND IMPORTS BY MODE OF TRANSPORT FOR SELECTED CHANNELS (RM MILLION)</i>	54
12	EKSPORT DAN IMPORT NEGERI MENGIKUT PINTU KELUAR DAN MASUK (RM JUTA) <i>EXPORTS AND IMPORTS BY STATE BASED ON EXIT AND ENTRY POINTS (RM MILLION)</i>	55
13	EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT LOKASI (RM JUTA) <i>EXPORTS AND IMPORTS BY LOCATION (RM MILLION)</i>	57
14	PERDAGANGAN LANGSUNG LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN DENGAN DAN MELALUI SINGAPURA (EKSPORT, IMPORT, DAN IMBANGAN PERDAGANGAN) (RM JUTA) <i>DIRECT FOREIGN TRADE AND TRADE WITH AND VIA SINGAPORE (EXPORTS, IMPORTS, AND BALANCE OF TRADE) (RM MILLION)</i>	58
15	EKSPORT BARANGAN MENGIKUT KLASIFIKASI KATEGORI EKONOMI UMUM (RM JUTA) <i>EXPORTS OF COMMODITIES BY BROAD ECONOMIC CATEGORIES CLASSIFICATIONS (RM MILLION)</i>	59
16	IMPORT BARANGAN MENGIKUT KLASIFIKASI KATEGORI EKONOMI UMUM (RM JUTA) <i>IMPORTS OF COMMODITIES BY BROAD ECONOMIC CATEGORIES CLASSIFICATIONS (RM MILLION)</i>	61
17	IMPORT MENGIKUT PENGGUNAAN AKHIR (RM JUTA) <i>IMPORTS BY END USE (RM MILLION)</i>	63
18	EKSPORT PRODUK HALAL MENGIKUT PENGKELASAN BARANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS OF HALAL PRODUCTS BY COMMODITY CLASSIFICATION (RM MILLION)</i>	65
19	PURATA KADAR PERTUKARAN, 2015 – 2024 <i>AVERAGE EXCHANGE RATES, 2015 - 2024</i>	66
20	TARIKH PENGELUARAN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI, JANUARI – DISEMBER 2024 <i>RELEASE DATES FOR EXTERNAL TRADE STATISTICS, JANUARY – DECEMBER 2024</i>	67

III	Nota Teknikal <i>Techninal Notes</i>	68
-----	--	----

BAHAGIAN I

Ringkasan *Summary*

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN
MONTHLY EXTERNAL TRADE STATISTICS



PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA

NOVEMBER 2024

Perangkaan Perdagangan Luar Negeri,
Nov 2023 – Nov 2024 (RM bilion)

EKSPORT

RM126.6 bil.
▲ 4.1%

JUMLAH DAGANGAN


RM237.8 bil.
▲ 2.9%

IMPORT

RM111.3 bil.
▲ 1.6%

TRADE BALANCE

RM15.3 bil.
▲ 26.3%



3 Rakan Dagangan Utama

1



China

RM15.2 bil. ▼ 11.9%
RM26.1 bil. ▲ 9.8%

2



Singapura

RM18.0 bil. ▼ 1.3%
RM13.6 bil. ▲ 2.1%

3



Amerika Syarikat

RM20.3 bil. ▲ 57.3%
RM9.4 bil. ▲ 1.0%

Import bagi BEC & Penggunaan Akhir

Barangan Perantaraan

RM63.3 bil.
▲ 12.7%

56.8%

Barangan Modal

RM13.3 bil.
▼ 10.0%

11.9%

Barangan Penggunaan

RM10.1 bil.
▲ 3.5%

9.1%

● sumbangan

Dagangan dengan ASEAN



Sumbangan:
25.3%

Eksport

RM34.1 bil.
▼ 6.3%

Import

RM26.0 bil.
▼ 3.1%

Prestasi Eksport & Import bagi sektor



RM107.7 bil.
RM94.1 bil.

5.2
2.2



RM8.3 bil.
RM8.4 bil.

-17.3
-19.3



RM9.5 bil.
RM6.9 bil.

13.4
21.2

Perubahan Tahunan (%)

■ Eksport ■ Import

Nota:

1. ▲ ▼ Semua perubahan adalah berdasarkan perbandingan tahun ke tahun.
2. Data bulan November 2024 adalah data awalan dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.
3. Laporan ini boleh diperolehi daripada laman portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<http://www.dosm.gov.my>) di bawah ruangan: Siaran Terkini.

Sumber : Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan, November 2024
Jabatan Perangkaan Malaysia

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

PRESTASI PERDAGANGAN MALAYSIA, NOVEMBER 2024

Perdagangan Malaysia mengekalkan prestasi memberangsangkan dengan mencatatkan pertumbuhan positif sebelas bulan berturut-turut pada tahun ini. Jumlah dagangan meningkat 2.9 peratus atau RM6.7 bilion pada November 2024, kepada RM237.8 bilion daripada RM231.1 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya.


Eksport menokok 4.1 peratus atau RM5.0 bilion pada November 2024 kepada RM126.6 bilion manakala import mencatatkan kenaikan 1.6 peratus atau RM1.8 bilion kepada RM111.3 bilion berbanding RM109.5 bilion pada tahun sebelumnya. Selain itu, imbalan dagangan kekal mencatatkan lebih berjumlah RM15.3 bilion, meningkat 26.3 peratus

berbanding RM12.1 bilion pada November 2023.

Berbanding Oktober 2024, eksport, import dan jumlah dagangan menyusut masing-masing turun 1.2 peratus, 4.3 peratus dan 2.7 peratus. Sebaliknya, lebih dagangan merekodkan peningkatan 28.8 peratus atau RM3.4 bilion daripada RM11.9 bilion.

Eksport, import dan jumlah dagangan bagi tempoh Januari hingga November 2024 kekal positif dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan 4.7 peratus, 13.3 peratus dan 8.7 peratus. Walau bagaimanapun, lebih dagangan mengalami kemerosotan 42.0 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Carta 1 Prestasi Perdagangan: Bulanan, Suku Tahunan & Tahunan



A. EKSPORT

Prestasi eksport Malaysia pada November 2024 mengatasi import buat kali pertama sejak Disember 2021

1. Prestasi Eksport

Pada November 2024, eksport Malaysia mencatatkan pertumbuhan lebih pantas berbanding import buat kali pertama sejak Disember 2021. Eksport meningkat 4.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, selaras dengan

peningkatan dalam eksport domestik. Eksport domestik mewakili 83.3 peratus daripada jumlah eksport, mengembang 10.3 peratus untuk mencecah nilai RM105.4 bilion berbanding RM95.5 bilion pada 2023. Sebaliknya, eksport semula




PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN NOVEMBER 2024


menyusut 18.7 peratus daripada RM26.1 bilion kepada RM21.2 bilion, menyumbang 16.7 peratus daripada jumlah eksport. Perbandingan bulan ke bulan menunjukkan eksport merosot 1.2 peratus

atau RM1.6 bilion. Berdasarkan analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, eksport bertumbuh 2.0 peratus kepada RM125.8 bilion.

Carta 2 Eksport Domestik, Eksport Semula (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 3 Nilai Eksport Asal dan Nilai Eksport Pelarasan Musim, RM bilion



2. Prestasi Eksport bagi Negara Destinasi Utama

Amerika Syarikat, Singapura dan China merupakan negara destinasi utama eksport dengan jumlah sumbangan 42.3 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada November 2024.


Eksport ke Amerika Syarikat mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan pada November 2024 dengan kenaikan 57.3 peratus untuk mencecah nilai RM20.3 bilion, yang merangkumi 16.0 peratus kepada jumlah eksport. Prestasi ini dipacu oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan elektrik & elektronik (+RM4.2 bilion, +52.9%), pembuatan lain (+RM1.8 bilion, +205.9%), jentera, kelengkapan & peralatan (+RM272.3 juta, +46.8%), keluaran getah (+RM250.8 juta, +48.2%) dan minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (+RM229.1 juta, +176.9%), produk kimia &

bahan kimia (+RM107.1 juta, +75.7%), makanan diproses (+RM106.2 juta, +82.1%), dan barangan perkilangan logam (+RM105.1 juta, +37.5%).

Singapura kekal sebagai negara destinasi eksport kedua tertinggi dengan nilai RM18.0 bilion, menyumbang 14.2 peratus kepada jumlah eksport. Eksport ke Singapura merosot 1.3 peratus disebabkan oleh eksport yang lebih rendah keluaran petroleum (-RM1.4 bilion, -38.6%) dan petroleum mentah (-RM293.4 juta, -68.6%).

Daripada sepuluh negara destinasi utama, pertumbuhan positif eksport direkodkan oleh empat negara iaitu Amerika Syarikat, Taiwan, Republik Korea dan India. Manakala, China mencatatkan penyusutan dua angka pada November 2024 berbanding tahun lalu.

Carta 4 Perubahan Tahunan Eksport bagi Negara Destinasi Utama, November 2023 dan November 2024



3. Eksport ke Negara ASEAN

Eksport ke negara ASEAN mencatatkan nilai RM34.1 bilion pada November 2024, mewakili 26.9 peratus daripada jumlah eksport. Ia menyusut 6.3 peratus berbanding RM36.4 bilion pada November 2023. Penyusutan tersebut dipengaruhi oleh


penurunan eksport keluaran petroleum (-RM2.6 bilion, -35.2%) dan petroleum mentah (-RM631.6 juta, -37.8%).

Dalam kalangan negara ASEAN, Kemboja, Brunei dan Filipina mencatatkan

pertumbuhan positif berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Manakala,

Viet nam, Myanmar dan Laos menyusut dua angka.

Carta 5 Peratusan Sumbangan Eksport ke Negara ASEAN, November 2024



4. Prestasi Eksport bagi Sektor Ekonomi


Eksport barangan perkilangan bernilai RM107.7 bilion, kekal kukuh pada November 2024 dengan sumbangan 85.1 peratus kepada jumlah eksport, merekodkan peningkatan 5.2 peratus atau RM5.4 bilion, tahun ke tahun. Kenaikan tersebut dipacu oleh barangan elektrik & elektronik (+RM5.6 bilion, +12.2%), barangan perkilangan lain (+RM2.3 bilion, +57.0%) dan jentera, kelengkapan & peralatan (+RM1.2 bilion, +23.5%).

Begitu juga bagi eksport keluaran pertanian (7.5% kepada jumlah eksport) yang menokok 13.4 peratus kepada RM9.5 bilion berbanding RM8.4 bilion pada tahun

sebelumnya. Pertumbuhan tersebut sejajar dengan eksport minyak sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit yang lebih tinggi (+RM1.2 bilion, +19.9%) dan getah asli (+RM26.2 juta, +7.6%).

Walau bagaimanapun, eksport perlombongan yang merangkumi 6.6 peratus daripada jumlah eksport merosot 17.3 peratus daripada RM10.0 bilion kepada RM8.3 bilion, disumbangkan terutamanya oleh eksport petroleum mentah yang lebih rendah (-RM1.4 bilion, -46.6%) dan bijih logam & serpihan logam (-RM363.8 juta, -37.3%).

Paparan 1 Eksport mengikut Sektor, November 2023 dan November 2024



5. Eksport Produk Utama Terpilih


Prestasi eksport meningkat 4.1 peratus pada November 2024, sejajar dengan pertumbuhan positif dalam produk berikut:

- Barangan elektrik & elektronik, meliputi 40.3 peratus daripada jumlah eksport, meningkat RM5.6 bilion atau 12.2 peratus kepada RM51.0 bilion;
- Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (8.0% daripada jumlah eksport), meningkat RM1.1 bilion atau 11.7 peratus kepada RM10.1 bilion. Eksport minyak kelapa sawit, komoditi utama dalam kumpulan produk ini merekodkan peningkatan RM1.1 bilion (+21.5%), seiring dengan peningkatan dalam volum eksport 87.1 peratus. Walau bagaimanapun, nilai purata seunit menyusut 35.1 peratus. Harga domestik bagi minyak sawit mentah meningkat 35.4 peratus kepada RM5,011.5 per tan metrik;
- Gas asli cecair (4.5% daripada jumlah eksport), meningkat RM154.0 juta atau 2.8 peratus kepada RM5.7 bilion, sejajar dengan peningkatan volum eksport (+9.3%). Walau bagaimanapun, nilai purata seunit menurun 6.0 peratus; dan
- Getah asli (0.3% daripada jumlah eksport), bertumbuh 7.6 peratus atau RM26.2 juta kepada RM372.2 juta. Ia sejajar dengan peningkatan 27.5 peratus dalam nilai purata seunit dan harga getah (SMR20) yang meningkat 25.8 peratus. Sebaliknya, volum eksport merosot 15.7 peratus.

Walaupun bagaimanapun, prestasi negatif telah direkodkan bagi produk berikut:

- Keluaran petroleum bertapis, mewakili 6.5 peratus daripada jumlah eksport, berkurang RM4.2 bilion atau 33.9 peratus kepada RM8.2 bilion sejajar dengan penurunan volum eksport (-20.6%) dan nilai purata seunit (-16.7%);
- Petroleum mentah (1.3% daripada jumlah eksport), susut RM1.4 bilion atau 46.6 peratus kepada RM1.6 bilion seiring dengan penurunan dalam volum eksport dan nilai purata seunit masing-masing pada 27.9 peratus dan 26.0 peratus. Sehubungan itu, harga minyak Brent turun 15.4 peratus kepada RM330.0 setong; dan
- Kayu & hasil keluaran kayu merekodkan kejatuhan 3.4 peratus atau RM67.6 juta kepada RM1.9 bilion, seterusnya menyumbang 1.5 peratus kepada jumlah eksport.

Paparan 2 Eksport Produk Utama Terpilih, November 2023 dan November 2024



Nota: Sumbangan November 2024 November 2023



B. IMPORT

Import mengekalkan pertumbuhan positif, naik 1.6 peratus pada November 2024


1. Prestasi Import

Import Malaysia mencecah nilai RM111.3 bilion pada November 2024, bertumbuh 1.6 peratus atau RM1.8 bilion daripada RM109.5 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Berbanding Oktober 2024, import mencatatkan penurunan 4.3 peratus atau RM5.0 bilion.


Merujuk kepada analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, import merekodkan penyusutan 2.5 peratus kepada

RM109.4 bilion. Perbandingan tahun ke tahun, import mengikut Penggunaan Akhir mencatatkan peningkatan positif bagi kedua-dua barangan perantaraan dan barangan penggunaan. Import barangan perantaraan meningkat RM7.1 bilion (+12.7%), manakala barangan penggunaan naik 3.5 peratus atau RM343.2 juta. Walau bagaimanapun, barangan modal merosot 10.0 peratus atau RM1.5 bilion pada November 2024.

Carta 6 Import Nilai (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 7 Nilai Import Asal dan Nilai Import Pelarasan Musim, RM bilion



2. Prestasi Import mengikut Negara Asal Utama


China dan Singapura merupakan dua negara asal utama bagi import Malaysia pada November 2024, dengan jumlah sumbangan 35.6 peratus kepada nilai import.

Import dari China yang mewakili 23.4 peratus daripada jumlah import Malaysia, mengembang 9.8 peratus berbanding tahun sebelum kepada RM26.1 bilion. Kenaikan tersebut dipengaruhi oleh pertambahan bagi barangan elektrik & elektronik (+RM2.1 bilion, +21.8%) dan jentera, kelengkapan & peralatan (+RM235.9 juta, +9.0%).

Import dari Singapura bernilai RM13.6 bilion, merangkumi 12.2 peratus kepada jumlah import, menokok 2.1 peratus atau RM275.8 juta, tahun ke tahun. Peningkatan tersebut berikutan import yang lebih tinggi oleh barangan elektrik & elektronik (+RM936.7 juta, +19.8%) dan barangan perkilangan lain (+RM206.4 juta, +96.4%).

Perubahan tahunan import dari enam negara asal utama mencatatkan penurunan, manakala China, Singapura, Amerika Syarikat dan Taiwan meningkat berbanding bulan yang sama tahun lepas.

Carta 8 Perubahan Tahunan Import bagi Negara Asal Utama, November 2023 dan November 2024



3. Import dari Negara ASEAN

Import dari negara ASEAN meliputi 23.4 peratus daripada jumlah import, mencatatkan penurunan 3.1 peratus pada November 2024 kepada RM26.0 bilion berbanding RM26.9 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya.


Penyusutan tersebut didorong terutamanya oleh import yang lebih rendah bagi keluaran

petroleum (-RM2.0 bilion, -37.3%) dan produk kimia & bahan kimia (-RM405.3 juta, -19.4%).

Dalam kalangan negara ASEAN, 52.1 peratus import adalah dari Singapura, meningkat 2.1 peratus kepada RM13.6 bilion berbanding tahun sebelumnya.



Carta 9 Peratusan Sumbangan Import dari Negara ASEAN, November 2024



4. Prestasi Import bagi Sektor Ekonomi


Import barangan perkilangan (84.6% daripada jumlah import), bertambah 2.2 peratus daripada RM92.1 bilion kepada RM94.1 bilion tahun ke tahun. Prestasi ini dipacu oleh import barangan elektrik & elektronik yang lebih tinggi (+RM6.6 bilion, +20.0%) dan makanan diproses (+RM286.8 juta, +11.2%).

Import hasil perlombongan (7.5% daripada jumlah import) bernilai RM8.4 bilion pada November 2024, merosot 19.3 peratus atau RM2.0 bilion berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah kesan daripada penurunan import

petroleum mentah (-RM1.3 bilion, -23.8%) dan arang batu, arang kok & briquet (-RM946.6 juta, -36.7%).

Sementara itu, import keluaran pertanian (6.2% daripada jumlah import) bertumbuh dua angka pada 21.2 peratus kepada RM6.9 bilion, disokong terutamanya oleh import yang lebih tinggi bagi pertanian lain (+RM536.1 juta, +13.5%), minyak sayuran lain (+RM358.1 juta, +206.4%), getah asli (+RM170.1 juta, +25.8%), dan minyak sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit (+RM139.1 juta, +42.8%).

Paparan 3 Import mengikut Sektor, November 2023 dan November 2024



5. Import Produk Utama Terpilih


Import kekal meningkat pada November 2024 disumbangkan oleh pertambahan dalam produk berikut:

- Barangan elektrik & elektronik, menyumbang 35.4 peratus kepada jumlah import, berkembang 20.0 peratus kepada RM39.3 bilion berbanding RM32.8 bilion pada November 2023; dan
- Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti yang menyumbang 2.2 peratus kepada jumlah import, meningkat RM20.6 juta atau 0.8 peratus kepada RM2.5 bilion.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan negatif direkodkan bagi produk berikut:

- Keluaran petroleum bertapis (7.5% daripada jumlah import), menurun RM2.2 bilion atau 20.5 peratus kepada RM8.4 bilion. Ia sejajar dengan penurunan volum import (-8.1%), nilai purata seunit (-13.6%) dan harga minyak Brent (-15.4%) kepada RM330.0 setong; dan
- Petroleum mentah (3.8% daripada jumlah import), merosot 23.8 peratus atau RM1.3 bilion kepada RM4.3 bilion, selaras dengan penurunan dalam volum import (-1.8%) dan nilai purata seunit (-22.4%).

Paparan 4 Import Produk Utama Terpilih, November 2023 dan November 2024



6. Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC)

Jumlah import pada November 2024 bernilai RM111.3 bilion, bertumbuh 1.6 peratus tahun ke tahun. Tiga kategori utama import mengikut Penggunaan Akhir yang merangkumi 77.8 peratus daripada jumlah import ialah:

Barangan perantaraan, bernilai RM63.3 bilion (56.8% daripada jumlah import), berkembang 12.7 peratus disokong oleh import yang lebih tinggi alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat

kelengkapan pengangkutan) (+RM8.1 bilion, +53.8%) dan bekalan industri yang utama (+RM686.4 juta, +24.8%).


Barangan modal, berjumlah RM13.3 bilion (11.9% daripada jumlah import) menyusut 10.0 peratus, dipengaruhi oleh penurunan dalam barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) (-RM823.7 juta, -6.5%) dan alat kelengkapan pengangkutan perindustrian (-RM656.6 juta, -32.2%).



Barangan penggunaan, berjumlah RM10.1 bilion (9.1% daripada jumlah import), bertumbuh 3.5 peratus, disokong oleh pertambahan import barangan makanan & minuman, diproses, khusus untuk

penggunaan isi rumah (+RM174.9 juta, +5.6%), makanan & minuman, utama, khusus untuk penggunaan isi rumah (+RM136.3 juta, +10.8%) dan barangan tidak tahan lama (+RM98.7 juta, +5.1%).

Paparan 5 Import bagi BEC dan Penggunaan Akhir, November 2024



C. EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT LOKASI

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM237.8 bilion pada November 2024 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM126.6 bilion dan RM111.3 bilion.

Eksport bernilai RM126.6 bilion pada November 2024, meningkat sebanyak RM5.0 bilion (+4.1%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM10.7 bilion), Perak (+RM373.5 juta), W.P. Labuan (+RM258.8 juta), Selangor (+RM46.8 juta), Melaka (+RM18.0 juta) dan Perlis (+RM3.6 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM2.0 bilion, Johor (-RM1.9 bilion), Kedah (-RM1.0 bilion), Sabah (-RM390.2 juta), Terengganu (-RM353.7 juta), Pahang (-RM262.0 juta), Negeri Sembilan (-RM217.7 juta), Sarawak (-RM180.3 juta) dan Kelantan (-RM20.1 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 36.4 peratus, diikuti oleh Johor (18.4%), Selangor (17.3%),

Sarawak (7.9%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.8%).

Pada masa yang sama, import pada bulan November 2024 meningkat RM1.8 bilion (+1.6%) berbanding bulan yang sama pada 2023. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM5.4 bilion), Johor (+RM499.2 juta), W.P. Labuan (+RM232.1 juta), Kedah (+RM158.3 juta), Kelantan (+RM57.4 juta), Perlis (+RM53.6 juta) dan Terengganu (+RM52.4 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Negeri Sembilan sebanyak RM1.3 bilion, W.P. Kuala Lumpur (-RM1.1 bilion), Melaka (-RM746.4 juta), Pahang (RM706.6 juta), Sarawak (-RM625.8 juta), Perak (-RM354.1 juta), Selangor (-RM316.2 juta) dan Sabah (-RM232.3 juta).

Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 25.8 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (24.7%), Johor (20.5%), W.P. Kuala Lumpur (8.3%) dan Kedah (5.7%).



MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS

NOVEMBER 2024

External Trade Statistics,
Nov 2023 – Nov 2024 (RM billion)

EXPORTS

RM126.6 bil.
▲ 4.1%

TOTAL TRADE


RM237.8 bil.
▲ 2.9%

IMPORTS

RM111.3 bil.
▲ 1.6%

TRADE BALANCE


RM15.3 bil.
▲ 26.3%



Top 3 Trading Partners

1		China	RM15.2 bil.	▼ 11.9%
			RM26.1 bil.	▲ 9.8%
2		Singapore	RM18.0 bil.	▼ 1.3%
			RM13.6 bil.	▲ 2.1%
3		United States	RM20.3 bil.	▲ 57.3%
			RM9.4 bil.	▲ 1.0%

Imports for BEC & End Use



Trade with ASEAN



Share:

25.3%

Exports

RM34.1 bil.
▼ 6.3%

Imports

RM26.0 bil.
▼ 3.1%

Sectorial Performance of Exports & Imports



RM107.7 bil.
RM94.1 bil.

52
22



RM8.3 bil.
RM8.4 bil.

-17.3
-19.3



RM9.5 bil.
RM6.9 bil.

13.4
21.2

Annual Change (%)
■ Exports ■ Imports

Note:
1. ▲ ▼ All changes are based on year-on-year (y-o-y) comparison
2. The November 2024 data is preliminary and subject to revision in later issues.
3. This report can be accessed through the web portal of the Department of Statistics, Malaysia (<http://www.dosm.gov.my>) under section: Latest Release

Source : Monthly External Trade Statistics, November 2024,
Department of Statistics Malaysia (DOSM)

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

MALAYSIA'S TRADE PERFORMANCE, NOVEMBER 2024

Malaysia trade maintained its encouraging performance by recording a positive growth for eleven consecutive months this year. Total trade increased by 2.9 per cent or RM 6.7 billion in November 2024, to RM237.8 billion from RM231.1 billion in the corresponding month of preceding year.


Exports increased by 4.1 per cent or RM5.0 billion in November 2024 to RM126.6 billion, while imports recorded an increase of 1.6 per cent or RM1.8 billion to RM111.3 billion as compared to RM109.5 billion in the previous year. In addition, the trade balance continuously posted a surplus with RM15.3 billion, up

26.3 per cent as compared to RM12.1 billion in November 2023.

As compared to October 2024, exports, imports and total trade decreased by 1.2 per cent, 4.3 per cent and 2.7 per cent, respectively. On the other hand, trade surplus recorded an increase of 28.8 per cent or RM3.4 billion from RM11.9 billion.

Exports, imports and total trade for the period of January to November 2024 remained positive with a growth of 4.7 per cent, 13.3 per cent and 8.7 per cent, respectively. However, the trade surplus experienced a contraction of 42.0 per cent as compared to the same period of the previous year.

Chart 1 Trade Performance: Monthly, Quarterly & Annually



A. EXPORTS

Malaysia's export in November 2024 surpassing imports for the first time since December 2021

1. Performance of Exports

In November 2024, Malaysia's exports recorded faster growth than imports for the first time since December 2021. Exports increased 4.1 per cent as compared to the same month of the previous year, corresponded with the increase in domestic exports. Domestic exports represented

83.3 per cent of total exports, edged up 10.3 per cent to reach a value of RM105.4 billion as compared to RM95.5 billion in 2023. On the other hand, re-exports shrank by 18.7 per cent from RM26.1 billion to RM21.2 billion, contributed 16.7 per cent of total exports. A month-on-



month (m-o-m) comparison showed that exports declined by 1.2 per cent or RM1.6 billion. Regarding to the analysis of

the seasonally adjusted terms, m-o-m, exports grew by 2.0 per cent to RM125.8 billion.

Chart 2 Domestic Exports, Re-Exports (RM billion) and Annual Change (%)





Chart 3 Actual Export Value and Seasonally Adjusted Export Value, RM billion



2. Export Performance for Major Country of Destination

The United States, Singapore and China were the main destination countries of exports with a total contribution of 42.3 per cent to Malaysia's total exports in November 2024.


Exports to the United States recorded encouraging growth in November 2024 with an increase of 57.3 per cent to reach RM20.3 billion, constituted 16.0 per cent to total exports. This performance was driven by higher exports of electrical & electronic (E&E) products (+RM4.2 billion, +52.9%), other manufactures (+RM1.8 billion, +205.9%), machinery, equipment & parts (+RM272.3 million, +46.8%), rubber products (+RM250.8 million, +48.2%), palm oil & palm based products (+RM229.1 million, +176.9%), chemical & chemical products (+RM107.1 million, +75.7%), processed food

(+RM106.2 million, +82.1%), and manufacture of metal (+RM105.1 million, +37.5%).

Singapore remained as the second major destination country with a contribution of 14.2 per cent and a value of RM18.0 billion. Exports to Singapore declined by 1.3 per cent due to lower exports of petroleum products (-RM1.4 billion, -38.6%) and crude petroleum (-RM293.4 million, -68.6%).

Out of ten major countries of destination, positive growth in exports was recorded by four countries, namely the United States, Taiwan, the Republic of Korea and India. Meanwhile, China recorded a double-digit decrease in November 2024 as compared to the previous year.

Chart 4 Annual Change of Exports for Major Country of Destination, November 2023 and November 2024



3. Exports to ASEAN Countries

Exports to ASEAN countries registered a value of RM34.1 billion in November 2024, represented 26.9 per cent of total exports. It


was shrank by 6.3 per cent as compared to RM36.4 billion in November 2023.



The contraction was influenced by the decline in exports of petroleum products (-RM2.6 billion, -35.2%) and petroleum crude (-RM631.6 million, -37.8%).

Among the ASEAN countries, Cambodia, Brunei and the Philippines recorded positive growth compared to the same month of the preceding year. Meanwhile, Viet Nam, Myanmar and Laos decreased by two digits.

Chart 5 Percentage Share of Exports to ASEAN Countries, November 2024



4. Export Performance for Economic Sectors


Exports of manufactured goods worth RM107.7 billion, remained substantial in November 2024 with a contribution of 85.1 per cent to total exports, recorded an increase of 5.2 per cent or RM5.4 billion, year on year (y-o-y). The increase was driven by E&E products (+RM5.6 billion, +12.2%), other manufactures (+RM2.3 billion, +57.0%) and machinery, equipment & parts (+RM1.2 billion, +23.5%).

Similarly, exports of agriculture products (7.5% to total exports) soared by 13.4 per cent to RM9.5 billion as compared to

RM8.4 billion in the previous year. The growth was in line with higher exports of palm oil & palm-based agriculture products (+RM1.2 billion, +19.9%) and natural rubber (+RM26.2 million, +7.6%).

On the other hand, exports of mining products comprised 6.6 per cent of total exports decelerated by 17.3 per cent from RM10.0 billion to RM8.3 billion, attributable by the lower exports of crude petroleum (-RM1.4 billion, -46.6%) and metalliferous ores & metal scrap (RM363.8 million, -37.3%).

Exhibit 1 Exports by Sector, November 2023 and November 2024



5. Exports of Selected Major Products


Export performance rose by 4.1 per cent in November 2024, in line with the positive growth by the following products:

- E&E products, contributing 40.3 per cent to total exports, increased by RM5.6 billion or 12.2 per cent to RM51.0 billion;
- Palm oil & palm-oil based products (8.0% of total exports), increased by RM1.1 billion or 11.7 per cent to RM10.1 billion. Exports of palm oil, the main commodity in this product group, recorded an increase of RM1.1 billion (+21.5%), along with the increase in export volume of 87.1 per cent. However, the average unit value decreased by 35.1 per cent. The domestic price for crude palm oil roses by 35.4 per cent to RM5,011.5 per tonne;
- LNG (4.5% of total exports), edged up by RM154.0 million or 2.8 per cent to RM5.7 billion, in line with the increase in export volume (+9.3%). However, the average unit value decreased by 6.0 per cent; and
- Natural rubber (0.3% of total exports), grew by 7.6 per cent or RM26.2 million to RM372.2 million. It was in line with 27.5 per cent increase in average unit value and rubber prices (SMR20) which grew by 25.8 per cent. On the contrary, export volume fell by 15.7 per cent.

However, negative growth was recorded for the following products:

- Refined petroleum products, representing 6.5 per cent of total exports, contracted by RM4.2 billion or 33.9 per cent to RM8.2 billion in line with the decrease in export volume (-20.6%) and average unit value (-16.7%);
- Crude petroleum (1.3% of total exports), declined by RM1.4 billion or 46.6 per cent to RM1.6 billion along with the decrease in export volume and average unit value by 27.9 per cent and 26.0 per cent, respectively. Accordingly, the price of Brent oil decreased 15.4 per cent to RM330.0 per barrel; and
- Timber & timber-based products decreased by 3.4 per cent or RM67.6 million to RM1.9 billion, contributing 1.5 per cent of total exports.

Exhibit 2 Exports of Selected Major Product, November 2023 and November 2024



B. IMPORTS

**Imports maintain a positive growth,
increased by 1.6 per cent in November 2024**

1. Performance of Imports

Malaysia's imports reaching a value of RM111.3 billion in November 2024, grew by 1.6 per cent or RM1.8 billion from RM109.5 billion on the same month of preceding year. As compared to October 2024, imports posted a decrease of 4.3 per cent or RM5.0 billion.

Analysis in seasonally adjusted terms, m-o-m, imports recorded a decrease of 2.5 per cent to RM109.4 billion. On a y-o-y

basis, imports by End Use registered a positive growth for both intermediate goods and consumption goods. Imports of intermediate goods rose by RM7.1 billion (+12.7%), while consumption goods edged up 3.5 per cent or RM343.2 million. On the other hand, capital goods shrank by 10.0 per cent or RM1.5 billion in November 2024.

Chart 6 Imports Value (RM billion) and Annual Change (%)





Chart 7 Actual Import Value and Seasonally Adjusted Imports Value, RM billion



2. Import Performance for Major Country of Origin


China and Singapore were the two major countries of origin for Malaysia's imports in November 2024, with a total contribution of 35.6 per cent to total imports.

Imports from China represented 23.4 per cent of Malaysia's total imports, grew by 9.8 per cent as compared to the previous year to RM26.1 billion. The increase was influenced by the increase in E&E products (+RM2.1 billion, +21.8%) and machinery, equipment & parts (+RM235.9 million, +9.0%).

Imports from Singapore were worth RM13.6 billion, accounting for 12.2 per cent of total imports, up by 2.1 per cent or RM275.8 million, y-o-y. The increase was due to higher imports of E&E products (+RM936.7 million, +19.8%) and other manufactures (+RM206.4 million, +96.4%).

The annual change in imports from six main countries of origin recorded a decrease, while China, Singapore, the United States and Taiwan increased as compared to the same month last year.

Chart 8 Annual Change for Imports for Major Country of Origin, November 2023 and November 2024



3. Imports from ASEAN Countries

Imports from ASEAN countries accounted for 23.4 per cent from total imports, recorded decrease of 3.1 per cent in November 2024 to RM26.0 billion as compared to RM26.9 billion in the corresponding month of the preceding year.

The contraction was mainly attributable from lower imports of petroleum products

(-RM2.0 billion, -37.3%) and chemical & chemical products (-RM405.3 million, -19.4%).


Among ASEAN countries, 52.1 per cent of imports were from Singapore, soared by 2.1 per cent to RM13.6 billion as compared to the previous year.



@StatsMalaysia



Chart 9 Percentage Share of Imports from ASEAN Countries, November 2024



4. Import Performance for Economic Sectors


Imports of manufactured products (84.6% of total imports), enhanced by 2.2 per cent from RM92.1 billion to RM94.1 billion, y-o-y. This performance was driven by higher imports of E&E products (+RM6.6 billion, +20.0%) and processed food (+RM286.8 million, +11.2%).

Imports of mining products (7.5% of total imports) amounting to RM8.4 billion in November 2024, declined by 19.3 per cent or RM2.0 billion as compared to the previous year. The decrease was affected by lower imports of crude petroleum (-RM1.3 billion,

-23.8%) and coal, coke & briquettes (-RM946.6 million, -36.7%).

On the other hand, imports of agriculture products (6.2% of total imports) posted a double-digit growth of 21.2 per cent to RM6.9 billion, supported mainly by other agriculture (+RM536.1 billion, +13.5%), other vegetable oils (+RM358.1 million, +206.4%), natural rubber (+RM170.1 million, +25.8%) and palm oil and palm-based products (+RM139.1 million, +42.8%).

Exhibit 3 Imports by Sector, November 2023 and November 2024



5. Imports of Selected Major Products


Imports remained favourable in November 2024, with positive growth was seen in the following products:

- E&E products, contributing 35.4 per cent of total imports, expanded by 20.0 per cent to RM39.3 billion as compared to RM32.8 billion in November 2023; and
- Machinery & equipment specialized for particular industries & parts which accounted for 2.2 per cent of total imports, increased by RM20.6 million or 0.8 per cent to reach a value of RM2.5 billion.

However, negative growth was recorded in the following products:

- Refined petroleum products (7.5% of total imports) decreased by RM2.2 billion or 20.5 per cent to RM8.4 billion. It was in line with the decrease in import volume (-8.1%), average unit value (-13.6%) and Brent oil price (-15.4%) to RM330.0 per barrel; and
- Crude petroleum (3.8% of total imports), declined by 23.8 per cent or RM1.3 billion to RM4.3 billion, in line with the decreased in import volume (-1.8%) and average unit value (-22.4%).

Exhibit 4 Imports of Selected Major Product, November 2023 and November 2024



6. Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification

Total imports in November 2024 worth RM111.3 billion, grew by 1.6 per cent, y-o-y. The three main categories of imports according to End Use which comprised 77.8 per cent of total imports were:

Intermediate goods, worth RM63.3 billion (56.8% of total imports), expanded by 12.7 per cent supported by higher imports of parts of accessories of capital goods (except transport equipment) (+RM8.1 billion,

+53.8%) and industrial supplies, n.e.s., primary (+RM686.4 million, +24.8%).

Capital goods, amounting to RM13.3 billion (11.9% of total imports) dropped by 10.0 per cent, contributed mainly from slower imports of capital goods (except transport equipment) (-RM823.7 million, -6.5%) and transport equipment, industrial (-RM656.6 million, -32.2%).

Consumption goods, amounting to RM10.1 billion (9.1% of total imports),




@StatsMalaysia



recorded an increase of 3.5 per cent, supported by higher imports of food & beverages, process, mainly for household consumption (+RM174.9 million, +5.6%),

food & beverages, primary, mainly for household consumption (+RM136.3 million, +10.8%) and non-durables goods (+RM98.7 million, +5.1%).

Exhibit 5 Imports by BEC and End Use, November 2024



C. EXPORTS AND IMPORTS BY LOCATION

Malaysia's total trade for November 2024 amounted to RM237.8 billion with exports and imports recorded RM126.6 billion and RM111.3 billion, respectively.

Exports was valued at RM126.6 billion in November 2024, increased RM5.0 billion (+4.1%) as compared to the same month of the previous year. The increase in exports was attributed to the higher exports in most states such as Pulau Pinang (+RM10.7 billion), Perak (+RM373.5 million), W.P. Labuan (+RM258.8 million), Selangor (+RM46.8 million), Melaka (+RM18.0 million) and Perlis (+RM3.6 million). However, exports decreased in W.P. Kuala Lumpur by RM2.0 billion, Johor (-RM1.9 billion), Kedah (-RM1.0 billion), Sabah (-RM390.2 million), Terengganu (-RM353.7 million), Pahang (-RM262.0 million), Negeri Sembilan (-RM217.7 million), Sarawak (-RM180.3 million) and Kelantan (-RM20.1 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 36.4 per cent share, followed by Johor

(18.4%), Selangor (17.3%), Sarawak (7.9%) and W.P. Kuala Lumpur (3.8%).

At the same time, imports in November 2024 increased RM1.8 billion (+1.6%) as compared to the same month in 2023. The increase in imports was attributed by the higher imports in most states such as Pulau Pinang (+RM5.4 billion), Johor (+RM499.2 million), W.P. Labuan (+RM232.1 million), Kedah (+RM158.3 million), Kelantan (+RM57.4 million), Perlis (+RM53.6 million) and Terengganu (+RM52.4 million). However, imports decreased in Negeri Sembilan by RM1.3 billion, W.P. Kuala Lumpur (-RM1.1 billion), Melaka (-RM746.4 million), Pahang (RM706.6 million), Sarawak (-RM625.8 million), Perak (-RM354.1 million), Selangor (-RM316.2 million) and Sabah (-RM232.3 million).


Selangor dominates Malaysia's imports with a share of 25.8 per cent, followed by Pulau Pinang (24.7%), Johor (20.5%), W.P. Kuala Lumpur (8.3%) and Kedah (5.7%).



BAHAGIAN II

Jadual Statistik *Statistical Tables*

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN
MONTHLY EXTERNAL TRADE STATISTICS



JADUAL 1 : EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK, IMPORT, JUMLAH DAGANGAN DAN IMBANGAN DAGANGAN (RM JUTA)

TABLE 1 : EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS, IMPORTS, TOTAL TRADE AND BALANCE OF TRADE (RM MILLION)

TAHUN	NILAI					PERUBAHAN TAHUNAN				
	VALUE					ANNUAL CHANGE (%)				
	EKSPORT	EKSPORT DOMESTIK	IMPORT	JUMLAH DAGANGAN	IMBANGAN DAGANGAN	EKSPORT	EKSPORT DOMESTIK	IMPORT	JUMLAH DAGANGAN	IMBANGAN DAGANGAN
YEAR	EXPORTS	DOMESTIC EXPORTS	IMPORTS	TOTAL TRADE	BALANCE OF TRADE	EXPORTS	DOMESTIC EXPORTS	IMPORTS	TOTAL TRADE	BALANCE OF TRADE
2019	995,072	823,484	849,411	1,844,483	145,661	(0.8)	2.4	(3.5)	(2.1)	17.7
2020	983,827	799,197	800,481	1,784,308	183,345	(1.1)	(2.9)	(5.8)	(3.3)	25.9
2021	1,241,022	1,012,001	987,344	2,228,366	253,678	26.1	26.6	23.3	24.9	38.4
2022	1,550,009	1,222,034	1,293,811	2,843,821	256,198	24.9	20.8	31.0	27.6	1.0
2023	1,426,199	1,111,065	1,211,044	2,637,243	215,155	(8.0)	(9.1)	(6.4)	(7.3)	(16.0)
2022										
Q1	344,290	282,220	280,656	624,946	63,634	21.8	22.0	25.5	23.4	7.7
Q2	392,348	310,278	332,992	725,340	59,356	29.3	24.8	34.8	31.8	5.4
Q3	420,094	319,467	355,128	775,222	64,966	38.5	31.3	46.5	42.0	6.6
Q4	393,277	310,069	325,035	718,312	68,243	11.9	7.3	18.5	14.8	(11.8)
2023										
Q1	355,092	276,446	291,680	646,772	63,413	3.0	(2.2)	3.4	3.2	1.2
Q2	348,623	267,560	292,800	641,423	55,823	(11.1)	(13.8)	(11.5)	(11.3)	(9.2)
Q3	356,280	277,863	297,245	653,525	59,035	(15.2)	(13.1)	(16.3)	(15.7)	(9.3)
Q4	366,203	289,195	329,319	695,521	36,884	(6.9)	(6.7)	1.3	(3.2)	(46.0)
2024										
Q1	362,332	290,366	328,200	690,532	34,132	2.0	5.0	12.5	6.8	(46.2)
Q2	368,749	297,935	336,776	705,525	31,973	5.8	11.4	15.0	10.0	(42.7)
Q3	383,678	311,175	358,995	742,673	24,682	7.7	12.0	20.8	13.6	(58.2)
2023										
JAN	112,666	86,053	94,508	207,174	18,157	1.4	(5.8)	1.8	1.6	(0.4)
FEB	112,682	87,854	92,703	205,385	19,979	10.8	4.7	12.2	11.4	4.3
MAR	129,745	102,539	104,469	234,213	25,276	(1.3)	(4.1)	(0.7)	(1.1)	(3.7)
APR	105,166	80,176	93,821	198,986	11,345	(17.5)	(22.5)	(9.9)	(14.1)	(51.5)
MAY	119,516	93,623	104,105	223,620	15,411	(0.9)	(2.7)	(3.4)	(2.1)	20.4
JUN	123,942	93,761	94,875	218,817	29,067	(14.1)	(15.2)	(21.7)	(17.5)	25.4
JUL	116,765	89,040	99,458	216,224	17,307	(13.1)	(13.0)	(16.1)	(14.5)	9.3
AUG	115,181	92,099	97,850	213,031	17,330	(18.6)	(13.7)	(21.2)	(19.8)	0.2
SEP	124,334	96,725	99,937	224,271	24,398	(13.8)	(12.4)	(11.1)	(12.6)	(23.4)
OCT	126,152	96,392	113,187	239,339	12,964	(4.4)	(5.1)	(0.3)	(2.5)	(29.8)
NOV	121,604	95,540	109,501	231,105	12,103	(6.2)	(7.7)	1.5	(2.7)	(44.5)
DEC	118,447	97,263	106,631	225,078	11,816	(10.0)	(7.4)	2.9	(4.3)	(57.8)
2024										
JAN	122,410	94,705	112,238	234,648	10,173	8.6	10.1	18.8	13.3	(44.0)
FEB	111,357	91,538	100,116	211,473	11,241	(1.2)	4.2	8.0	3.0	(43.7)
MAR	128,565	104,123	115,845	244,410	12,719	(0.9)	1.5	10.9	4.4	(49.7)
APR	114,695	91,716	106,954	221,649	7,742	9.1	14.4	14.0	11.4	(31.8)
MAY	128,037	105,806	118,083	246,120	9,955	7.1	13.0	13.4	10.1	(35.4)
JUN	126,017	100,414	111,740	237,757	14,276	1.7	7.1	17.8	8.7	(50.9)
JUL	131,117	105,043	124,716	255,832	6,401	12.3	18.0	25.4	18.3	(63.0)
AUG	129,004	106,208	123,490	252,493	5,514	12.0	15.3	26.2	18.5	(68.2)
SEP	123,557	99,924	110,790	234,347	12,767	(0.6)	3.3	10.9	4.5	(47.7)
